

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
(PANDAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.03.2017

Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI [PANDAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa gerabak (coach) digunakan bagi setiap fasa projek MRT (Sg Buloh-Kajang, Sg Buloh-Serdang-Putrajaya & Circle Line) dan anggaran kos menambah 4 gerabak tambahan bagi setiap fasa di masa hadapan untuk meningkatkan kapasiti penumpang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tren elektrik untuk kedua-dua MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang yang hampir siap dan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya yang sedang dalam

pembinaan terdiri daripada empat gerabak setiap set tren.

Maklumat tren bagi MRT Laluan Ketiga ataupun *Circle Line* masih tidak dapat dipastikan pada masa ini kerana kajian fisibiliti atas Projek tersebut masih sedang dijalankan.

Reka bentuk infrastruktur, tren and sistem bagi kedua-dua MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang dan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya tidak membolehkan bilangan gerabak disambung dan ditambah kepada tren yang sedia ada. Reka bentuk ini adalah berdasarkan kajian fisibiliti yang telah menunjukkan bahawa kedua-dua laluan tersebut dapat menampung keperluan kenaikan bilangan penumpang sehingga sekurang-kurangnya tahun 2050. Kenaikan bilangan pengguna ini dapat diatasi dengan cara menambah bilangan tren dan meningkatkan kekerapan perkhidmatan tren.

Kos penambah tren akan tertakluk kepada proses tender dan bergantung kepada pelbagai faktor semasa proses perolehan dilaksanakan kelak. Reka bentuk sistem untuk Projek MRT Lembah Kelang adalah sistem terbuka dan ini akan membolehkan tren tambahan diperoleh secara terbuka dan tidak terhad hanya kepada vendor sedia ada.

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL**
[LIBARAN]
TARIKH : **15 MAC 2017 [RABU]**
SOALAN : **47**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan pelaksanaan Majlis Sains Negara (NSC) mewujudkan Dasar Angkasa Negara 2030 bagi memacu sektor angkasa negara sebagai ekonomi baharu yang strategik.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Angkasa Negara (DAN) 2030 telah diluluskan oleh Majlis Sains Negara (NSC) pada 7 Februari 2017. Dasar ini menyatakan dengan jelas pendirian, objektif dan hala tuju negara untuk memacu pembangunan sektor angkasa. Dasar ini juga menjadi asas untuk negara menggubal Undang-undang Angkasa Lepas bagi mewujudkan peraturan dan garis panduan yang jelas dalam mentadbir, menyelaras dan mengawal selia aktiviti angkasa di semua peringkat pengguna sama ada kerajaan, industri dan orang perseorangan. Akta tersebut juga diperlukan bagi membolehkan kerajaan meratifikasi beberapa triti angkasa lepas antarabangsa.

Bagi mengukuhkan tadbir urus sektor angkasa, satu jawatankuasa penyelarasan iaitu Jawatankuasa Angkasa Kebangsaan (JANGKA) diwujudkan. Jawatankuasa ini bertujuan untuk menyelaraskan aktiviti angkasa negara pada peringkat nasional dan antarabangsa bagi memastikan pelaksanaan Dasar Angkasa Negara berdasarkan matlamat dan halatuju yang ditetapkan. JANGKA dianggotai oleh pelbagai Kementerian, agensi kerajaan, pihak industri serta akademik.

Satu pelan strategik industri angkasa juga akan dibangunkan dengan kerjasama National Aerospace Industry Coordinating Office (NAICO) di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bagi menggerakkan industri angkasa tempatan. Di samping itu, aspek R,D,C&I, pembangunan infrastruktur dan kepakaran akan terus diperkasakan bagi menyokong pelaksanaan Pelan Tindakan Dasar Angkasa Negara. Pada masa yang sama, Kementerian ini juga akan terus memperkukuhkan kerjasama dan jaringan hubungan antarabangsa dalam sektor angkasa.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam era negara sedang menuju ke arah Revolusi Industri ke-4 dan *Internet of Things* (IoT) di mana penggunaan internet semakin meningkat, teknologi angkasa dilihat mampu mengubah perkhidmatan dan industri sedia ada serta mewujudkan satu bentuk industri baharu. Penggunaan imej satelit dan penentuan kedudukan tepat mampu mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan menggalakkan inovasi yang merupakan pemacu utama bagi pertumbuhan ekonomi dalam pelbagai sektor. Contohnya, penggunaan aplikasi penderiaan jauh dalam sektor

pertanian iaitu sistem pemantauan tanaman padi dan sistem pengesanan kawasan ikan yang dibangunkan oleh Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) telah banyak membantu pengurusan tanaman padi yang lebih sistematik dan membantu nelayan meningkatkan hasil tangkapan ikan. Oleh itu, Kementerian ini berkeyakinan bahawa Dasar Angkasa Negera akan menjadi pemangkin kepada pembangunan teknologi angkasa yang merentasi pelbagai bidang seperti telekomunikasi, ICT, meteorologi, pertanian, pengangkutan, keselamatan, sumber asli dan pengurusan bencana.

Sekian, terima kasih.